

13 JAN 2003

Mahathir-Dunia/I

DUNIA TIDAK BANYAK MAJU SEJAK ZAMAN BATU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat antarabangsa gagal mengendali dan menguruskan dirinya, berdasarkan kepada apa yang sedang berlaku di Iraq, Korea Utara, Palestin dan kawasan bermasalah yang lain di serata dunia.

Perdana Menteri berkata walaupun terdapat kemajuan teknologi dan dakwaan kononnya wujud tamadun yang lebih berperikemanusiaan dan canggih, keupayaan untuk membunuh sebagai satu ukuran kekuatan, masih menjadi amalan.

"Sebenarnya, saya berpendapat kita tidak banyak maju sejak Zaman Batu. Mereka guna belantan dan kita guna senjata nuklear, tetapi tujuannya masih sama," katanya ketika merasmikan mesyuarat ke-11 Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) di sini.

Dr Mahathir berkata dunia perlu mengikis budaya dan nilai lamanya, dan memperbaharui tamadunnya.

"Sekarang adalah masa bagi kita merenung dan berfikir. Menamakan orang sebagai syaitan atau Paksi Kejahatan akan hanya membangkitkan kemarahan dan tidak menyelesaikan apa-apa. Menindas orang lain atau membinasakan negara mereka juga tidak menyelesaikan masalah," katanya.

Amerika Syarikat menggelarkan Iraq, Iran dan Korea Utara sebagai Paksi Kejahatan kerana mendakwa ketiga-tiga negara itu mengancam keselamatan dunia dengan senjata pemusnah.

Merujuk kepada kemungkinan berlakunya perang di Iraq kerana ia disyaki mempunyai senjata demikian, Dr Mahathir berkata walaupun Korea Utara telah mengaku ia mempunyai keupayaan nuklear, ia tidak diancam seperti yang dilakukan terhadap Iraq.

"Kita tidak mahu melihat Korea Utara diancam peperangan dan negara itu diserang. Tetapi sikap berlembut terhadap Korea Utara akan menambah kemarahan orang Islam," katanya.

Sambil mengakui Korea Utara bukanlah sebuah negara yang mudah untuk berurusan, Dr Mahathir berkata itu tidak seharusnya menghalang dunia daripada belajar bagaimana untuk berkawan dengannya dan mendapatkan kerjasamanya.

"Menyekat bekalan makanan dan keperluan lain tidak akan menyebabkan ia berlutut. Mungkin kita boleh gunakan bom nuklear untuk menghapuskannya tetapi itu merupakan satu pengakuan tentang kegagalan kita," katanya.

Ketika menghurai lanjut mengenai Iraq, Perdana Menteri berkata satu ketika dahulu negara-negara Islam sepakat tentang perlunya Iraq disekat daripada bersikap agresif tetapi semangat pemuafakatan itu sudah hilang.

"Umat Islam melihat pendirian yang diambil terhadap Iraq sebagai satu lagi tindakan diskriminasi terhadap umat Islam," katanya.

Menurut beliau, jika Iraq diserang, bukan saja itu akan menjejaskan tindakan membanteras keganasan antarabangsa tetapi ia mungkin menambah bilangan bakal penganas.

Dr Mahathir berkata terdapat banyak punca keganasan tetapi sebab utama adalah wilayah dan bukannya agama, seperti apa yang sedang dialami oleh rakyat Palestin.

"Keganasan yang melanda dunia pada hari ini mempunyai kaitan terus dengan nasib rakyat Palestin. Israel sepatutnya sudah sedar bahawa tindakan pertahanan dan keselamatan, malah bertindak lebih ganas daripada 'penganas', telah tidak dapat menghalang pejuang berani mati," katanya.

Perdana Menteri berkata kejayaan serangan penganas di Amerika Syarikat

pada 11 Sept 2001 disebabkan lebih kepada kesilapan menangani keadaan daripada tahap kemusnahan yang berlaku.

Katanya golongan yang bertanggungjawab itu telah menakutkan dunia sehingga kelihatan setiap orang akan terus merasa bimbang untuk satu tempoh yang lama.

"Kita takut untuk terbang, kita takut melancong, kita takut kepada negara-negara tertentu, kita takut orang tertentu, kita takut kepada kasut yang mereka pakai, kita takut kepada kapal kargo, barangan import, surat dan bungkusan -- malah, kita takut kepada segala-galanya di sekeliling kita," katanya merujuk kepada kesan serangan 11 Sept itu.

Dr Mahathir berkata keganasan telah menjadi perkara sejagat seperti juga perdagangan dan pelaburan, dan dengan itu, pembuat undang-undang dan dasar di semua negara tidak harus mengehendkan minat mereka kepada negara masing-masing saja.

APPF merupakan satu forum bukan eksklusif anggota-anggota parlimen yang ditubuhkan pada 1991 oleh bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone.

Sebanyak 150 anggota perwakilan dari 27 negara menghadiri mesyuarat tiga hari itu bagi membincang isu-isu dunia dalam suasana tidak formal.

-- BERNAMA
MAM MAM MAI